

**Perpustakaan Negara Malaysia Lancar Modul Literasi Maklumat 1Malaysia
Bernama
23 Disember, 2011**

MARAN, 23 Dis (Bernama) -- Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Jumaat melancarkan Modul Literasi Maklumat 1Malaysia dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran pencarian maklumat secara lebih berkesan, tepat dan benar.

Pelancaran modul berkenaan dirasmikan Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Maglin Dennis D'Cruz di Sekolah Kebangsaan Padang Luit, dekat sini.

Modul berkenaan bertujuan mendedahkan orang ramai kepada kemahiran mencari, mengurus dan menggunakan sumber maklumat bercetak dan elektronik menerusi kaedah pencarian maklumat secara konvensional dan moden.

Ketika bercakap kepada pemberita, Maglin berkata modul berkenaan merupakan satu usaha pihak PNM untuk memberi panduan kepada orang ramai dari segi kemahiran mencari dan memilih maklumat yang akan dibaca.

"Tanya penting kerana ia akan menentukan kualiti maklumat yang akan diisi dalam minda kita yang seterusnya akan menentukan cara kita berfikir dan bertindak," katanya.

Beliau berkata minda yang diisi dengan maklumat yang terkini, tepat dan sahih lagi berwibawa dan dimanafaatkan ilmu yang diperolehi bukan sahaja mampu mengubah diri dan masyarakat malah mampu mengubah dunia.

"Apatah lagi dalam zaman teknologi maklumat yang serba canggih ini di mana maklumat mudah dicapai daripada pelbagai sumber terutamanya sumber elektronik seperti Facebook, Twitter dan blog yang cepat dan mudah.

"Bagaimanapun ia juga boleh mendatangkan risiko tersalah maklumat yang mengandungi unsur-unsur yang boleh mengganggu keharmonian negara, atas sebab itulah kita menggalakkan pentingnya kemahiran maklumat yang dipimpin agar kita tidak tergelincir dari landasan yang sepatutnya," katanya.

Beliau berharap modul berkenaan akan memberi banyak faedah kepada rakyat Malaysia dalam konteks meningkatkan daya pemikiran dan minda dalam usaha membina sebuah negara bangsa yang maju, progresif dan berilmu.

Sementara itu Ketua Pengarah PNM Datuk Raslin Abu Bakar berkata pihak PNM membangunkan tiga modul literasi iaitu modul asas, bagi peringkat pra-sekolah dan masyarakat umum, modul pertengahan bagi pelajar sekolah menengah dan modul lanjutan bagi golongan profesional, penyelidik dan siswazah.

"Pihak PNM juga akan mengadakan pelbagai aktiviti antaranya kem literasi maklumat bagi memberi pendedahkan berkenaan modul berkenaan kepada masyarakat desa, orang awam dan golongan pendidik," katanya.

Beliau berkata menerusi modul berkenaan, orang ramai berupaya untuk mengenal pasti sumber rujukan, memahami kenyataan topik, merumus strategi pencarian, menilai dan memilih sumber yang relevan, memahami etika penggunaan maklumat dan mengenal pasti medium penyebaran maklumat.

Beliau berkata orang ramai boleh mendapatkan modul berkenaan di semua perpustakaan di bawah PNM, selain pengedaran cd modul berkenaan di sekolah-sekolah.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636125>